

25 MAR 2002
Sukan-Sukma
LEBIH 6,000 ATLIT SERTAI SUKMA KE-9 DI SABAH

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Lebih 6,000 atlit daripada 20 kontinjen termasuk Wilayah Australia Utara dan Brunei, yang menjadi kontinjen jemputan, akan bersaing merebut 1,075 pingat pada Sukan Malaysia (Sukma) Kesembilan di Sabah, September ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata penyertaan Wilayah Australia Utara itu adalah atas undangan tuan rumah dan telah diberikan kelulusan oleh kerajaan pusat.

"Bagaimanapun, penyertaan kontinjen Wilayah Australia Utara itu dihadkan kepada hanya 50 atlit sahaja dan untuk lima jenis sukan iaitu golf, olahraga, perahu layar, lumba basikal dan ten-pin bowling," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Tertinggi Sukma di Kementerian Belia dan Sukan di sini.

Katanya, Brunei yang telah beberapa kali menyertai Sukma boleh mengambil bahagian dalam kesemua 27 jenis sukan yang dipertandingkan.

Sukma kesembilan itu akan berlangsung dari 5 hingga 14 Sept, tetapi beberapa acara sukan berpasukan akan bermula pada 2 Sept. Kira-kira 3,000 pegawai teknikal dan 2,000 sukarelawan terlibat dalam temasya ini.

Hishammuddin berkata sebanyak 18 gelanggang akan digunakan untuk 27 jenis sukan, dengan 11 daripadanya akan dilangsungkan di Kompleks Sukan Likas.

Beliau berkata kerja-kerja menaik taraf gelanggang sedang dilakukan dan kini 67 peratus siap. Ia dijangka boleh digunakan untuk ujian pada Jun ini.

Katanya, sistem rangkaian maklumat dan komputer akan dibekalkan di semua gelanggang pertandingan serta pusat media di Pusat Perdagangan Sabah, Likas bagi memastikan semua keputusan dapat dibekalkan dengan cepat.

Beliau juga berkata larian obor Sukma akan bermula 1 Ogos dengan penerimaan obor oleh Sabah daripada tuan rumah Sukma lepas Pulau Pinang, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Obor itu akan dibawa ke semua 24 daerah di Sabah untuk menyemarakkan sukan berkenaan agar semua peringkat rakyat negeri dapat merasai bahang sukan itu, katanya.

Perasmian Sukma ke-9 akan dilakukan Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai manakala majlis penutupan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan dijadikan perkampungan sukan bagi menempatkan para atlit dan pegawai.

-- BERNAMA
AZ MFJ ZB